

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL**
(KUALA KEDAH)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **18.03.2014**

Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap Bitcoin, iaitu "matawang alam maya". Apakah jangkaan Kementerian Kewangan tentang kesan penggunaan Bitcoin terhadap ekonomi negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Bitcoin merupakan mata wang digital yang telah diperkenalkan pada tahun 2009. Bitcoin ditawarkan dalam bentuk digital dan disimpan di dalam dompet elektronik yang boleh diakses melalui internet. Memandangkan Bitcoin beroperasi dalam rangkaian Bitcoin yang terdiri daripada individu-individu di seluruh dunia

tanpa melibatkan mana-mana pengendali tunggal atau syarikat persendirian, Bitcoin tidak dapat dikawalselia secara menyeluruh oleh mana-mana pihak berkuasa di dunia.

2. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mengiktiraf Bitcoin sebagai mata wang yang sah. BNM telah mengeluarkan kenyataan amaran di laman web pada 3 Januari 2014 untuk mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan risiko yang berkaitan dengan penggunaan mata wang digital tersebut. Berdasarkan maklumat yang sedia ada, BNM mendapati operasi sistem Bitcoin adalah kurang jelas dan tidak telus. Oleh kerana Bitcoin boleh digunakan tanpa mendedahkan identiti pengguna, Bitcoin boleh disalahgunakan oleh penjenayah untuk pengubahan wang haram serta perdagangan pasaran gelap. Di Amerika Syarikat, Biro Penyiasatan Persekutuan (Federal Bureau of Investigation) telah menutupkan laman web 'Jalan Sutera' (Silk Road) pada bulan Oktober 2013 kerana Bitcoin telah disalahgunakan untuk membeli dadah, senjata api atau barang-barang haram melalui laman web ini. Bitcoin yang berasaskan bentuk digital juga terdedah kepada risiko kecurian siber. Contohnya, platform pertukaran Bitcoin yang beroperasi di Jepun,

iaitu Mt. Gox telah memfailkan permohonan untuk diisytiharkan sebagai muflis pada bulan Februari 2014 selepas kehilangan kira-kira 850,000 Bitcoin bernilai \$480 juta akibat daripada penggodaman sistem komputer.

3. Kebanyakan negara telah mengiytharkan bahawa Bitcoin bukan mata wang yang sah serta memberi amaran kepada pengguna berkenaan risiko Bitcoin. Namun, di beberapa negara (contohnya, Kanada, Singapura dan Hong Kong), penjualan Bitcoin juga ditawarkan di kiosk yang dikenali sebagai Bitcoin ATM dan tidak terhad kepada jual beli melalui Internet. Setakat ini, hanya China sahaja yang melarang institusi kewangan dan syarikat-syarikat pembayaran untuk melibatkan diri dalam sebarang perniagaan yang berkaitan dengan Bitcoin.

4. Penerimaan dan penggunaan Bitcoin di Malaysia masih di peringkat awal dan tidak meluas dengan anggaran 300 pengguna dan hanya dua saudagar di Malaysia yang menerima Bitcoin sebagai cara pembayaran. Buat masa ini, penggunaan Bitcoin tidak menimbulkan sebarang risiko sistemik terhadap ekonomi negara. BNM akan memantau perkembangan dan menilai kesan mata wang digital ini terhadap ekonomi negara dari

semasa ke semasa. BNM akan menilai keperluan untuk menggubal peruntukan perundangan bagi membolehkan pengawalseliaan atau larangan mata wang digital tersebut demi kestabilan monetari dan kestabilan kewangan di Malaysia.